

syahril a. kadir

“ Kehidupan ini seimbang, Tuan. Barangsiapa hanya memandang pada keceriannya saja, dia orang gila. Barangsiapa memandang pada penderitaannya saja, dia sakit! ” – Pramoedya Ananta Toer

Feeds: [Posts](#) [Comments](#)

menjejak Botak Chin siri 2

May 23, 2008 by [syahrilkadir](#)



[\(https://syahrilkadir.wordpress.com/wp-content/uploads/2008/05/bald_big1.jpg\).](https://syahrilkadir.wordpress.com/wp-content/uploads/2008/05/bald_big1.jpg)

NAMA Wong Swee Chin mungkin tidak memberi makna kepada masyarakat Malaysia walaupun itulah nama sebenar Botak Chin. Penjenayah ganas itu dilahirkan dalam sebuah keluarga yang mempunyai 10 beradik di Kuala Lumpur pada 1951.

Dia berhenti sekolah pada usia 15 tahun dan bekerja sebagai pembantu di pasar borong Jalan Tun Ismail selama setahun. Di sinilah, Botak Chin terpengaruh dengan kegiatan jenayah dan menyertai kongsi gelap (Geng 360) yang menguasai kawasan itu.

Botak Chin ditahan dan dihukum tujuh tahun penjara, tetapi dibebaskan pada November 1974.

April 1975, Botak Chin kembali aktif dengan menubuhkan geng baru yang dianggotai Ng Cheng Wong (Ah Wong), Beh Kok Chin (Pangkor Chai) dan Teh Bok Lay (Seh Chai).

Sebulan kemudian, Botak Chin pergi ke Thailand dan dengan bantuan rakannya, dia membeli senjata api.

Awal tahun 1976, Botak Chin mengambil anggota baru, diikuti tiga rompakan dengan wang yang dilarikan kira-kira RM400,000.

Pada masa sama, tujuh orangnya mati ditembak selain ada yang ditangkap. Polis juga merampas 15 senjata api, peluru dan bom.

Botak Chin ibarat pelanduk yang lupakan jerat, tetapi jerat tidak pernah lupakannya. Selepas perancangan rapi polis, akhirnya pelanduk terjerat pada malam 16 Februari 1976.

Setahun selepas ditangkap, Botak Chin mencatat sejarah sebagai orang pertama mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang membawa kepada hukuman mati mandatori.

Rayuan kepada Lembaga Pengampunan juga ditolak. Ketika menunggu dihukum gantung, dua kali Botak Chin menyerang pegawai penjara.

Ketika berusia 28 tahun, riwayat Botak Chin sebagai penjenayah ganas dan kejam berakhir di tali gantung di Penjara Pudu pada 11 Jun 1981. (BH)

Posted in [Uncategorized](#) | 16 Comments

16 Responses

[mohdfazli](#)

on May 24, 2008 at 2:37 am

Abg lepas nie nak menjelak siapa pulak, lh x klu saya nk follow time interview tu...

[dbi](#)

on May 24, 2008 at 1:16 pm

OOO..botak chin umur 28 tahun masa kena gantung...muda sangat...

[Ecko](#)

on June 17, 2008 at 1:57 am